



KAMARUL Zaman (tengah) melihat pam yang digunakan bagi proses pemindahan dari tangki ke kapal ketika melihat tempat transit penyeludupan minyak diesel bersubsidi di sebuah premis di Sungai Bauk.

### SINDIKET SELUDUP DIESEL SUBSIDI TUMPAS

# Polis rampas kapal tangki RM13 juta

Oleh Izz Laily Hussein  
am@hmetro.com.my

#### Kota Tinggi

**S**indiket penyeludupan diesel bersubsidi yang mengaut keuntungan berlipat ganda dengan menjual barang kawalan itu di pasaran gelap tempatan dan antarabangsa ditumpaskan polis, Jumaat lalu.

Kegiatan itu tumpas sulan penahanan 13 individu terdiri daripada empat lelaki tempatan dan sembilan warga asing dalam satu serbuan di sebuah premis di muara sungai, Sungai Bauk, Tanjung Belungkor di sini, kira-kira 11 malam.

Premis terbabit yang dipercayai dalam kawasan tanah milik persendirian turut dikesan dijadikan lokasi transit kegiatan sindiket

berkenaan. Sindiket yang dipercayai sudah lama beroperasi itu berjaya dikesan sejak sebelum lalu.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, modus operandi sindiket terbabit adalah membeli minyak diesel di sekitar negeri ini dengan harga pasaran RM2.15 seliter.

Bagaimanapun, katanya, sindiket itu akan menjual semula diesel berkenaan dengan harga lebih daripada RM3 kepada pembeli yang dipercayai terdiri daripada industri dan kapal tempatan serta antarabangsa.

“Sindiket ini menyasarkan mereka yang menggu-

nakan atau membeli diesel dalam kuantiti banyak.

“Dalam tiga hari sekali, mereka akan melakukan kegiatan menjual diesel ini dan melakukan pemindahan minyak kepada pembeli di tengah laut yang juga lalu antarabangsa.

“Setiap liter yang dijual kepada pasaran gelap, sindiket ini mengambil untung antara RM1 atau lebih,” katanya ketika sidang media di lokasi serbuan itu di sini, semalam.

Kamarul Zaman berkata, dalam serbuan itu, pihaknya merampas sebuah kapal tangki bernilai RM13 juta yang didapati berdaftar di negara asing selain 138,000 liter

diesel bernilai RM386,400.

Selain itu, katanya, turut dirampas, empat tangki treler berkapasiti 160,000 liter setiap satu, empat pam penyedut minyak, dua set generator dan sebuah kereta yang mana semua barang rampasan dianggarkan bernilai lebih RM14.45 juta.

Beliau berkata, semua suspek berusia antara 18 hingga 62 tahun itu kini di-reman bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Hasil semakan rekod mendapati seorang daripada mereka mempunyai rekod lampau dan pernah dihukum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

“Kita juga masih dalam siasatan untuk mengenal pasti pemilik premis di kawasan ini untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

“  
Seorang daripada mereka mempunyai rekod lampau Kamarul Zaman